

29/07/1999

SPR mesti lantik penolong pengurus berkecuali

SURUHANJAYA Pilihanraya (SPR) diminta memastikan pelantikan penolong pengurus pilihan raya untuk mengendalikan urusan pilihan raya umum akan datang, adalah mereka yang dikenal pasti tidak memihak kepada mana-mana parti politik.

Senator Abu Bakar Ismail, berkata ini bagi menjamin kebebasan serta ketelusan SPR supaya pilihan raya dikendalikan dalam suasana bersih dan mengelak sebarang unsur memihak kepada mana-mana parti politik.

"Pernah berlaku sebelum ini, penolong pengurus pilihan raya membenarkan pihak yang tidak berkenaan memasuki kawasan larangan, mengguna komputer dan memberi isyarat supaya mengundi calon tertentu.

"Saya berharap SPR memastikan ini tidak berlaku lagi. Kita tahu secara keseluruhannya SPR memang bebas dan telus," ketika membahas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 1999.

Abu Bakar juga meminta kerajaan menimbangkan kenaikan gaji kakitangan awam serta menarik balik segala elaun yang dibekukan berikutan krisis ekonomi sebelum ini, memandangkan keadaan ekonomi yang semakin pulih.

Beliau turut mengecam pembangkang kerana melamparkan pelbagai tuduhan tidak berasas kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ini termasuk soal mahu melelongkan Putrajaya yang dianggap parti pembangkang sebagai membazir, mengeluarkan Perlis dari Malaysia dan menutup syarikat akhbar serta stesen televisyen.

"Sebenarnya, pandangan pemimpin pembangkang ini bercanggah dengan prinsip pembangunan. Memang benar kita memerlukan pembangkang dalam negara yang mengamalkan demokrasi tetapi hendaklah pembangkang yang sihat.

"Kita mahu pembangkang menimbulkan isu sebenar yang membabitkan kepentingan rakyat bukan meracuni pemikiran rakyat serta pelajar. Ini termasuk penggunaan Internet," katanya.

(END)